KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN
# PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

## ISNIN, 29 APRIL 2024

## LAPORAN HARIAN

JKM JPW LPPKN ISM LKM YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

MALAYSIA MADANI

www.kpwkm.gov.my kpwkm

29/4/2024

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 1 | **TRAGEDI HELIKOPTER: KHIDMAT KAUNSELING DITERUSKAN BERGANTUNG KEPERLUAN - NORAINI** | | POSITIF |
| | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2292176 | BERNAMA.COM | |
| | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/nahas-tldm-tempoh-kaunseling-bergantung-pada-tahap-pemulihan-waris | BERITA.RTM.GOV.MY | |
| | https://selangorkini.my/2024/04/kaunseling-keluarga-mangsa-nahas-helikopter-diberi-ikut-keperluan/ | SELANGORKINI.MY | |
| | https://www.buletintv3.my/nasional/khidmat-kaunseling-keluarga-nahas-helikopter-diteruskan-bergantung-keperluan-noraini/ | BULETINTV3.MY | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/661814/berita/nasional/nahas-helikopter-tldm-khidmat-kaunseling-diteruskan-bergantung-keperluan | SINARHARIAN.COM.MY | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/nahas-helikopter-lumut-khidmat-kaunseling-diteruskan-bergantung-keperluan-noraini-468287 | ASTROAWANI.COM | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/04/1084678/tempoh-kaunseling-waris-mangsa-nahas-helikopter-bergantung-kepada-keperluan | HMETRO.COM.MY | |
| | https://www.bernama.com/en/news.php?id=2292172 | BERNAMA.COM | |
| | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/04/28/counselling-services-on-needs-basis-for-navy-helicopter-tragedy-families-says-deputy-minister/131321 | MALAYMAIL.COM | |
| | https://www.nst.com.my/news/nation/2024/04/1043718/lumut-helicopter-crash-counselling-services-needs-basis-victims-families | NST.COM.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 2 | **NAHAS HELIKOPTER TLDM: SIVASUTAN MINAT JADI TENTERA SEJAK KECIL - IBU** | | POSITIF |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/04/1240271/nahas-helikopter-tldm-sivasutan-minat-jadi-tentera-sejak-kecil-ibu | BHARIAN.COM.MY | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/04/1084700/nahas-helikopter-tldm-sivasutan-minat-jadi-tentera-sejak-kecil-ibu | HMETRO.COM.MY | |

29/4/2024

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 3 | **EMOSI KELUARGA JURUTERBANG TLDM SEMAKIN PULIH** | | POSITIF |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2024/04/emosi-keluarga-juruterbang-tldm-semakin-pulih/ | UTUSAN.COM.MY | |
| | https://selangorjournal.my/2024/04/children-begin-to-accept-mothers-passing-says-late-nurfarahimis-husband/ | SELANGORJOURNAL.MY | |
| | https://www.kosmo.com.my/2024/04/28/emosi-keluarga-juruterbang-tldm-semakin-pulih/ | KOSMO.COM.MY | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/04/1240324/anak-anak-mula-terima-kenyataan-ibu-sudah-tiada-suami-nurfarahimi | BHARIAN.COM.MY | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/661836/berita/semasa/anak-anak-mula-terima-kenyataan-ibu-sudah-tiada---suami-nurfarahimi | SINARHARIAN.COM.MY | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/anakanak-mula-terima-kenyataan-ibu-sudah-tiada-suami-nurfarahimi-468309 | ASTROAWANI.COM | |
| | https://www.nst.com.my/news/nation/2024/04/1043766/lumut-helicopter-crash-children-begin-accept-mothers-passing-says-late | NST.COM.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 4 | **LATIHAN PENILAIAN PERTUMBUHAN KANAK-KANAK, PENYEDIAAN MAKANAN SIHAT KEPADA TADIKA SWASTA** | | POSITIF |
| | https://www.utusanborneo.com.my/2024/04/28/latihan-penilaian-pertumbuhan-kanak-kanak-penyediaan-makanan-sihat-kepada-tadika-swasta | UTUSANBORNEO.COM.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 5 | **ENAM LAPORAN POLIS TERHADAP USTAZ DISYAKI LIWAT TIGA PELAJAR - KETUA POLIS KELANTAN** | | NEGATIF |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/04/1240060/enam-laporan-polis-terhadap-ustaz-disyaki-liwat-tiga-pelajar-ketua-polis | BHARIAN.COM.MY | |

29/4/2024

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 6 | **PENGURUS RUMAH KEBAJIKAN DIDENDA RM4,500 KERANA CEDERAKAN WARGA EMAS** | | NEGATIF |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/04/1240160/pengurus-rumah-kebajikan-didenda-rm4500-kerana-cederakan-warga-emas | BHARIAN.COM.MY | |
| | https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2024/04/1043614/welfare-home-manager-fined-rm4500-injuring-elderly-man-viral-video | NST.COM.MY | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pengurus-rumah-kebajikan-didenda-rm4500-cederakan-warga-emas-468250 | ASTROAWANI.COM | |
| | https://www.kosmo.com.my/2024/04/28/pengurus-rumah-kebajikan-didenda-rm4500-pukul-warga-emas/ | KOSMO.COM.MY | |
| | https://selangorkini.my/2024/04/cederakan-warga-emas-pengurus-rumah-kebajikan-didenda-rm4500/ | SELANGORKINI.MY | |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2024/04/28/welfare-home-manager-fined-for-beating-elderly-resident-with-stick/ | FREEMALAYSIATODAY.COM | |
| | https://www.youtube.com/watch?v=s50wjC7M97k | YOUTUBE | |
| | https://www.nst.com.my/news/nation/2024/04/1043634/abused-elderly-man-unlicensed-padang-serai-welfare-home-be-relocated | NST.COM.MY | |
| | https://www.malaysiakini.com/news/703855 | MALAYSIAKINI.COM | |
| | https://www.buletintv3.my/mahkamah/pengurus-rumah-kebajikan-didenda-rm4500-datangkan-kecederaan-terhadap-warga-emas/ | BULETINTV3.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 7 | **INSPEKTOR AMANG SEKSUAL REMAJA DITAHAN KERJA** | | NEGATIF |
| | https://www.kosmo.com.my/2024/04/28/inspektor-amang-seksual-remaja-ditahan-kerja/ | KOSMO.COM.MY | |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/04/28/disyaki-amang-seksual-inspektor-polis-ditahan-kerja/ | FREEMALAYSIATODAY.COM | |

29/4/2024

| | | | |
|---|---|---|---|
| | https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2024/04/1043688/police-inspector-be-suspended-over-alleged-sexual-assault-teenager | NST.COM.MY | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/amang-seksual-inspektor-polis-akan-ditahan-kerja-468272 | ASTROAWANI.COM | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/04/1084637/amang-seksual-inspektor-polis-ditahan-kerja | HMETRO.COM.MY | |
| | https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2292148 | BERNAMA.COM | |
| | https://www.utusan.com.my/berita/2024/04/amang-seksual-inspektor-akan-ditahan-kerja/ | UTUSAN.COM.MY | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/04/1240208/amang-seksual-inspektor-ditahan-kerja | BHARIAN.COM.MY | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/661787/berita/semasa/amang-seksual-inspektor-polis-akan-ditahan-kerja#google_vignette | SINARHARIAN.COM.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 8 | **14 GURU, PELAJAR DIPANGGIL BANTU SIASATAN KES PEDOFILIA DI MRSM TUMPAT** | | NEGATIF |
| | https://www.kosmo.com.my/2024/04/28/14-guru-pelajar-dipanggil-bantu-siasatan-kes-pedofilia-di-mrsm-tumpat/ | KOSMO.COM.MY | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/661747/berita/semasa/pedofilia-mrsm-tumpat-polis-selesai-panggil-14-individu#google_vignette | SINARHARIAN.COM.MY | |
| | https://malaysiagazette.com/2024/04/28/pedofilia-mrsm-tumpat-polis-selesai-panggil-14-individu/ | MALAYSIAGAZETTE.COM | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/04/1084519/guru-mrsm-terbabit-pedofillia-14-individu-sudah-diambil-keterangan | HMETRO.COM.MY | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pedofilia-mrsm-tumpat-polis-selesai-panggil-14-individu-468242 | ASTROAWANI.COM | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2024/04/polis-sudah-panggil-14-pelajar-guru-kes-pedofilia-di-mrsm-tumpat/ | UTUSAN.COM.MY | |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/04/28/polis-selesai-panggil-14-individu-berkait-pedofilia-mrsm-tumpat/ | FREEMALAYSIATODAY.COM | |
| | https://www.youtube.com/watch?v=0l62SYK7L1I | YOUTUBE | |

29/4/2024

| | |
|---|---|
| https://www.buletintv3.my/nasional/mrsm-didakwa-terbabit-pedofillia-14-individu-sudah-diambil-keterangan/ | BULETINTV3.MY |
| https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/cabul-mrsm-polis-selesai-rakam-keterangan-14-individu-x8xl9w2 | ASTROAWANI.COM |

| PECAHAN KATEGORI PERANTARAAN MEDIA | |
|---|---|
| **KPWKM** | **33** |
| Negative | 32 |
| Positive | 1 |
| **YKN** | **21** |
| Neutral | 4 |
| Positive | 17 |
| **JKM** | **17** |
| Negative | 17 |
| **Jumlah** | 71 |

29/4/2024

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 1 | **NAHAS HELIKOPTER TLDM: SIVASUTAN MINAT JADI TENTERA SEJAK KECIL - IBU** | | POSITIF |
| | https://twitter.com/bharianmy/status/1784510321371283947 | TWITTER | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 1 | **#MANJUNG DATUK SERI DR NORAINI AHMAD BERKATA, KAUNSELOR DARIPADA JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT (JKM) DI PERINGKAT DAERAH SUDAH DIGERAKKAN UNTUK MENDEKATI DAN...** | | POSITIF |
| | https://www.facebook.com/649734810516728/posts/845821120908095 | FACEBOOK | |
| | https://twitter.com/hmetromy/status/1784493853518544930 | YOUTUBE | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 1 | **TULAR \| RUMAH KEBAJIKAN DIHUNI WARGA EMAS YANG DIPUKUL DENGAN KAYU DI TAMAN DESA AMAN, PADANG SERAI, KEDAH DIDAPATI TIDAK BERDAFTAR DENGAN JABATAN KEBAJIKAN...** | | NEGATIF |
| | https://www.facebook.com/783826136447188/posts/972599510903182 | FACEBOOK | |
| | https://www.facebook.com/783826136447188/posts/972584974237969 | FACEBOOK | |
| | https://www.youtube.com/watch?v=LPw2u_JoZqo | YOUTUBE | |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | KHIDMAT KAUNSELING DITERUSKAN BERGANTUNG KEPERLUAN | | | |
| HARI | : | ISNIN | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 29 APR 2024 | M/SURAT | : | 13 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Khidmat kaunseling diteruskan bergantung keperluan

**MANJUNG:** Khidmat kaunseling kepada keluarga mangsa tragedi dua helikopter terhempas di Pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) Lumut akan diteruskan bergantung kepada keperluan.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Dr Noraini Ahmad berkata hasil pemerhatian mendapati waris mangsa masih bersedih, namun kuat semangat untuk menerima kejadian yang menimpa ahli keluarga mereka.

"Tempoh kaunseling bergantung kepada keadaan individu…masing-masing bersedih atas apa yang berlaku kepada orang yang disayangi, paling rapat dengan mereka, ada sesetengahnya merupakan tempat bergantung harap bagi keluarga tersebut.

"Apabila kita kehilangan orang tersayang, pasti emosi tetapi saya melihat mereka sangat kuat dan kami bersedia untuk mendengar melalui kaunselor kami di setiap daerah," katanya ketika ditemui pemberita selepas menziarahi waris mendiang Leftenan T. Sivasutan di Taman Serdang Jaya, Sitiawan di sini semalam.

Terdahulu Noraini turut menziarahi keluarga Pegawai Waran II TMK Mohd Shahrizan Mohd Termizi dan Pegawai Waran II Nurfarahimi Mohd Suady.

Noraini berkata pihaknya turut menyampaikan bantuan wang tunai RM3,000 melalui Skim Pemberian Ehsan Yayasan Kebajikan Negara dan barangan keperluan selain sumbangan peribadi beliau kepada waris ketiga-tiga mangsa berkenaan.

Dalam kejadian 9.32 pagi pada 23 April lepas, 10 anggota dan pegawai TLDM maut selepas dua helikopter terhempas ketika sedang menjalani raptai lintas hormat bersempena dengan sambutan Ulang Tahun TLDM ke-90 di Pangkalan TLDM Lumut. — Bernama

# TRAGEDI HELIKOPTER: KHIDMAT KAUNSELING DITERUSKAN BERGANTUNG KEPERLUAN - NORAINI




Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Dr Noraini Ahmad menyampaikan sumbangan kepada balu Leftenan T. Sivasutan mangsa nahas helikopter, S. Harshini, 29, semasa menziarahi waris mangsa di kediamannya di Taman Serdang Jaya, Sitiawan hari ini

28/04/2024 04:37 PM

MANJUNG, 28 April (Bernama) -- Khidmat kaunseling kepada keluarga mangsa tragedi dua helikopter terhempas di Pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) Lumut akan diteruskan bergantung kepada keperluan.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Dr Noraini Ahmad berkata hasil pemerhatian mendapati waris mangsa masih bersedih, namun kuat semangat untuk menerima kejadian yang menimpa ahli keluarga mereka.

"Tempoh kaunseling bergantung kepada keadaan individu...masing-masing bersedih atas apa yang berlaku kepada orang yang disayangi, paling rapat dengan mereka, ada sesetengahnya merupakan tempat bergantung harap bagi keluarga tersebut.

"Apabila kita kehilangan orang tersayang, pasti emosi tetapi saya melihat mereka sangat kuat dan kami bersedia untuk mendengar melalui kaunselor kami di setiap daerah," katanya ketika ditemui pemberita selepas menziarahi waris mendiang Leftenan T. Sivasutan di Taman Serdang Jaya, Sitiawan di sini hari ini.

Terdahulu Noraini turut menziarahi keluarga Pegawai Waran II TMK Mohd Shahrizan Mohd Termizi dan Pegawai Waran II Nurfarahimi Mohd Suady.

Noraini berkata pihaknya turut menyampaikan bantuan wang tunai RM3,000 melalui Skim Pemberian Ehsan Yayasan Kebajikan Negara dan barangan keperluan selain sumbangan peribadi beliau kepada waris ketiga-tiga mangsa berkenaan.

Dalam kejadian 9.32 pagi pada 23 April lepas, 10 anggota dan pegawai TLDM maut selepas dua helikopter terhempas ketika sedang menjalani raptai lintas hormat bersempena dengan sambutan Ulang Tahun TLDM ke-90 di Pangkalan TLDM Lumut.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | ‘AYYA’ MINAT JADI TENTERA | | | |
| HARI | : | ISNIN | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 29 APR 2024 | M/SURAT | : | 08 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |


# ‘Ayya’ minat jadi tentera

**Manjung:** Leftenan T Sivasutan, 31, yang terkorban dalam tragedi helikopter terhempas di Pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) Selasa lalu, meminati kerjaya tentera sejak di bangku sekolah.

Ibunya, A Paramesvary, 60, berkata anak kedua daripada tiga beradik yang mesra dipanggil ‘ayya’ dalam kalangan ahli keluarga itu menyimpan cita-cita menjadi pegawai TLDM berikutan tertarik kepada pakaian seragam serba putih pasukan itu.

Pesara guru itu berkata, dia dan suami, M Thanjappan, 61, tidak menghalang kehendak Sivasutan meskipun menyedari tugas tentera ada risiko tersendiri.

“Kebetulan ketika menetap di rumah lama kami, ada jiran pegawai TLDM. Mungkin itu antara penyumbang minat dia,” katanya ketika menerima kunjungan Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad di Taman Serdang Jaya, dekat Sitiawan, di sini, semalam.

Pada sesi lawatan berkenaan, Noraini menyerahkan sumbangan RM3,000 melalui Skim Pemberian Ehsan Yayasan Kebajikan Negara, barangan keperluan serta sumbangan peribadi beliau kepada tiga waris mangsa nahas terbabit yang menetap di Perak.



*Noraini menenangkan balu Sivasutan, Harshini Sanra Sekaran ketika mengadakan kunjungan di Sitiawan, semalam.* (Foto BERNAMA)

# Nahas helikopter TLDM: Sivasutan minat jadi tentera sejak kecil - Ibu

Oleh Muhamad Lokman Khairi - April 28, 2024 @ 5:08pm
bhnews@bh.com.my



Noraini (dua, kanan) menziarahi keluarga mendiang Leftenan T Sivasutan, pegawai TLDM yang terkorban dalam nahas helikopter terhempas itu di Taman Serdang Jaya Sitiawan, Manjung, hari ini. NSTP/Muhamad Lokman Khairi

MANJUNG: Leftenan T Sivasutan, 31, yang terkorban dalam tragedi helikopter terhempas di Pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) Selasa lalu, meminati kerjaya tentera sejak di bangku sekolah.

Ibunya A Paramesvary, 60, berkata anak kedua daripada tiga beradik yang mesra dipanggil 'ayya' dalam kalangan ahli keluarga itu menyimpan cita-cita menjadi pegawai TLDM berikutan tertarik kepada pakaian seragam serba putih pasukan itu.

Pesara guru itu berkata, dia dan suami, M Thanjappan, 61, tidak menghalang kehendak Sivasutan meskipun menyedari tugas tentera mempunyai risiko tersendiri.

"Kebetulan ketika menetap di rumah lama kami, ada jiran pegawai TLDM. Mungkin itu antara penyumbang minat dia," katanya ketika menerima kunjungan Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad di kediamannya di Taman Serdang Jaya, dekat Sitiawan, di sini, hari ini.
Paramesvary berkata, Sivasutan pernah meminta pendapatnya ketika memilih kepakaran dalam pasukan TLDM selepas tamat rekrut, sama ada latihan menjadi juruterbang helikopter, pegawai kapal selam atau komander (pegawai memerintah kapal perang).

"Saya tahu dalam hatinya ada dua pilihan, sama ada helikopter atau kapal selam.

"Saya ada beritahu jika dia pilih kapal selam, saya tak dapat lihat dia.

"Bagaimanapun, keputusan terpulang kepada dia. Jadi dia pilih juruterbang dan saya berikan restu," katanya mengakui semakin pulih daripada trauma berbanding hari pertama menerima berita mengejutkan itu, Selasa lalu.

Dalam pada itu, Paramesvary memaklumkan abu mendiang sudah selamat disemadikan di sebuah pusat persemadian Hindu di Sitiawan.

Pada sesi lawatan berkenaan, Noraini menyerahkan sumbangan RM3,000 melalui Skim Pemberian Ehsan Yayasan Kebajikan Negara, barangan keperluan serta sumbangan peribadi beliau kepada tiga waris mangsa nahas terbabit yang menetap di Perak.

Terdahulu, Noraini melawat keluarga Pegawai Waran II Mohd Shahrizan Mohd Termizi di Taman Lekir Indah, Batu 12 Lekir, di sini.

Beliau juga menziarahi keluarga Pegawai Waran II TNL Nurfarahimi Mohd Suady di kuarters Pangkalan TLDM Lumut.

# Emosi keluarga juruterbang TLDM semakin pulih



NORAINI Ahmad (dua dari kanan) bersama S. Harshini (tengah) ketika mengunjungi keluarga mendiang Leftenan T. Sivasutan di Sitiawan. - UTUSAN

Oleh SHAMSUL KAMAL AMARUDIN 28 April 2024, 4:49 pm

LUMUT: Emosi keluarga Leftenan T. Sivasutan, 31, yang terkorban dalam nahas helikopter Selasa lalu, semakin pulih dan beransur baik.

Ibu mendiang, A. Parameswari, 60, berkata kesan trauma akibat kehilangan anak lelaki tunggal dalam keluarga itu, semakin terhakis sekarang berbanding ketika hari kejadian.

"(Emosi) sekarang beransur baik.Kami sentiasa dijaga, ramai pihak mengambil berat dan melawat kami, daripada pihak 'navy' (Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), kaunselor dan pelbagai agensi dan pihak lain.

"Kaunseling yang diberi pihak kerajaan memang banyak membantu, kami dianggap sebagai ahli keluarga mereka sendiri.

"Jadi, ia sangat efektif, mereka bukan sekadar menjalankan tugas, sebaliknya mereka sangat empati dengan kami," katanya.

Beliau bercakap kepada pemberita selepas menerima kunjungan Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Noraini Ahmad di kediamannya di Taman Serdang Jaya, Sitiawan di sini hari ini.

Turut berada di rumah itu ialah suaminya, M. Thanjappan, 61, dan balu mendiang, Dr. S. Harshini, 30.

Sebelum ini, media melaporkan keluarga tersebut trauma dan sukar menerima kenyataan kehilangan anak kedua daripada tiga beradik itu yang baru melangsungkan perkahwinan kira-kira empat bulan lalu.

Parameswari juga menjelaskan abu mayat mendiang juga sudah disemadikan di sebuah tempat khas untuk penganut Hindu di Sitiawan selepas tiga hari pembakaran jasad mendiang dilakukan pada Rabu lalu.

Beliau turut menyerahkan kepada balu mendiang membuat keputusan sama ada untuk terus kekal bertugas di tempat baharu di Langkap, Teluk Intan, atau mahu bertukar di tempat lain termasuk di tempat keluarganya di Buntong, Ipoh.

"Bayangkan hari pertama pergi kerja (di Langkap) anak saya (Sivasutan) bawa dan tunjukkan tempat kerja baharunya, dan hari kedua (berlaku tragedi nahas itu), mestilah trauma.

"Jadi, biar dia berehat dulu, sekarang belum boleh buat keputusan, kalau dia boleh (bekerja di Langkap), teruskanlah (bekerja) dari sini," ujarnya.

Sebaliknya, beliau tidak mahu memaksa jika menantunya itu mahu kembali ke Ipoh, jika ia dapat memberikan rasa selesa dan selamat untuk doktor pergigian itu.

Mengimbau tentang Sivasutan, jelasnya, mendiang memang meminati tentera dan suka melihat individu berpakaian seragam sejak kecil lagi, termasuk pakaian pengawal keselamatan di sekolah rendah tempatnya belajar dan berminat menjadi seperti itu.

"Saya terfikir saya sudah memberi pendidikan (sehingga berjaya), tidak akan lah mahu dia sekadar menjadi 'jaga'.

"Jadi, saya memperkenalkan dia jenis-jenis pakaian seragam pasukan keselamatan, tambahan pula jiran di rumah lama saya adalah pegawai tentera laut, jadi saya beritahu ini pakaian seragam untuk TLDM.

Beliau memberitahu, ada satu ketika, mendiang diberi pilihan sama ada menyertai menyertai pasukan udara, kapal selam atau komando iaitu Pasukan Khas Laut (Paskal).

"Tetapi, komando itu tiada dalam pilihannya kerana katanya, mak mesti tidak bagi sebab latihan dia lasak dan mesti sanggup dipukul untuk bagi lasak, mana boleh, saya sendiri pun tidak pukul dia.

"Kalau kapal selam, saya tidak dapat tengok (jumpa) anak saya (sebab pasukan kapal selam berpusat di Sabah), jadi dia pun pilih unit udara," ujarnya. – UTUSAN

# Latihan penilaian pertumbuhan kanak-kanak, penyediaan makanan sihat kepada tadika swasta

2024-04-28T18:07:28+08:00



Dr Packierisamy (baris kedua, duduk enam kiri) bersama jawatankuasa penganjur dan peserta program tersebut.

MIRI: Pejabat Kesihatan Bahagian Miri menganjurkan Latihan Penilaian Pertumbuhan Kanak-Kanak dan Penyediaan Makanan Sihat kepada pengendali taska dan tadika swasta semalam.

Program itu diadakan di Auditorium Pustaka Miri melalui kolaboratif bersama Pejabat Kebajikan Masyarakat Bahagian Miri dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Miri, Subis dan Baram.

Latihan ini disasarkan kepada pengusaha, penyelia, guru dan pengasuh taska dan tadika swasta beroperasi di bahagian ini dengan matlamat meningkatkan penyampaian pengetahuan dan asas kemahiran kepada peserta dalam penilaian status pertumbuhan kanak-kanak kecil.

Pada masa sama mendidik mereka untuk lebih memahami dan menguasai teknik pemilihan dan penyediaan makanan sihat di taska dan tadika.

"Melalui sesi latihan ini diharapkan masalah pemakanan seperti kurang berat badan, obesiti dan bantut dapat dicegah dalam kalangan kanak-kanak kecil," kata Pegawai Kesihatan Bahagian Miri Dr P Raviwharmman dalam kenyataan dikeluarkan di sini hari ini.

Seramai 135 peserta daripada 28 taska dan 24 tadika swasta terlibat secara aktif dalam sesi latihan ini.

"Kajian National Health Morbidity Survey 2022 dilaksanakan peringkat kebangsaan dan mendapati sebanyak 15.3 peratus kanak-kanak bawah lima tahun mengalami kekurangan berat badan dan 21.2 peratus adalah bantut.

"Bantut adalah masalah ketinggian tidak seiring dengan usia disebabkan masalah kekurangan nutrien kronik iaitu pendek atau rendah berbanding rakan sebaya," jelasnya.

Diagnosis bantut ditentukan berdasarkan ukuran panjang atau ketinggian dibandingkan dengan umur kanak-kanak terbabit.

Justeru, beliau berharap Latihan Penilaian Pertumbuhan Kanak-Kanak dan Penyediaan Makanan Sihat kepada pengendali-pengendali taska dan tadika meningkatkan keupayaan institusi taska dan tadika dalam menyokong dan menggalakkan aktiviti pemakanan sihat, status kesihatan optimum serta menerapkan ilmu-ilmu kesihatan pemakanan kepada pengendali institusi itu.

Dr Packierisamy berkata, Pejabat Kesihatan Bahagian Miri bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan seperti Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) Miri dan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Miri dalam melatih guru dan ibu bapa, penjaga bagi tadika dan tabika diuruskan agensi-agensi tersebut.

Setiap tahun agensi-agensi tersebut menjemput pegawai Pejabat Kesihatan melaksanakan latihan ini juga kepada guru dan sesi dialog bersama ibu bapa serta penjaga di tadika dan tabika di bawah pengurusan mereka.

"Pejabat Kesihatan sentiasa menghebahkan mesej penyediaan pemakanan sihat dan berkhasiat melalui pelbagai aktiviti di klinik-klinik kesihatan, forum komuniti dan platform media sosial," katanya.

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 6 LAPORAN POLIS USTZA DISYAKI LIWAT TIGA PELAJAR | | |
| HARI | : | ISNIN | AKHBAR : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 29 APR 2024 | M/SURAT : | 16 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR : | KPWKM |

# 6 laporan polis ustaz disyaki liwat tiga pelajar

**Gua Musang:** Polis menerima enam laporan berhubung dakwaan seorang ustaz di sebuah pusat tahfiz yang ditahan kerana disyaki melakukan amang seksual terhadap tiga pelajarnya sejak dua tahun lalu.

Ketua Polis Kelantan, Datuk Muhamad Zaki Harun, berkata pihaknya tidak menolak akan ada lagi laporan yang sama dibuat mangsa terhadap suspek berusia 39 tahun.

Daripada enam laporan diterima itu, beliau berkata, tiga masing-masing di Machang dan Bachok.

"Banyak perkara yang kita nak lihat dan setakat ini pada peringkat awal hanya satu laporan, kemudian menjadi tiga laporan dibuat dan akhir-akhir ini ada lagi laporan akan dibuat.

"Ia membabitkan tiga di Bachok di mana suspek sebelum ini bertugas di sana sebelum berpindah ke Machang, dan perbuatan jenayah berkenaan disyaki bermula sejak 2022 hingga bulan ini," katanya ketika ditemui pemberita selepas Sambutan Hari Raya di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Gua Musang, di sini, malam kelmarin.

## Pantau pengajian

Mengulas lanjut Muhamad Zaki berkata, pihaknya sudah mengarahkan Ketua Polis Daerah dan juga Ketua Balai bagi memantau segala aktiviti pengajian agama yang dibuat di madrasah atau pondok kawasan masing-masing.

"Jika ia di bawah Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK) saya rasa tidak ada masalah sebab dipantau, tetapi yang perlu diberi perhatian ialah madrasah atau pusat tahfiz diuruskan secara persendirian atau masyarakat tempatan," katanya.

Terdahulu, media melaporkan seorang guru sebuah pusat tahfiz di sini, ditahan kerana disyaki meliwat tiga pelajarnya sejak dua tahun lalu.

Ketua Polis Daerah Machang, Superintendan Ahmad Shafiki Hussin, berkata pihaknya menerima laporan daripada tiga mangsa yang berusia 12 hingga 13 tahun pada 15 April lalu.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | ENAM LAPORAN DITERIMA KES USTAZ LIWAT PELAJAR | | | |
| HARI | : | ISNIN | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 29 APR 2024 | M/SURAT | : | 04 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |


# Enam laporan diterima kes ustaz liwat pelajar

**Gua Musang:** Polis sudah menerima enam laporan berkaitan kes seorang ustaz di sebuah pusat tahfiz yang ditahan selepas disyaki meliwat tiga pelajarnya sejak dua tahun lalu.

Ketua Polis Kelantan Datuk Muhamad Zaki Harun berkata, pihaknya tidak menolak akan ada lagi laporan dibuat mangsa terhadap suspek.

Menurutnya, enam laporan diterima masing-masing tiga di Machang dan Bachok.

"Banyak perkara yang kita nak lihat dan setakat ini pada peringkat awal hanya satu laporan, kemudian menjadi tiga laporan dibuat dan akhir-akhir ini ada lagi laporan dibuat.

"Ia membabitkan tiga di Bachok di mana suspek sebelum ini bertugas di sana. Bila dia pindah ke Machang, dia bawa sekali budak-budak berkenaan dan perbuatan itu disyaki bermula sejak 2022 hingga bulan ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas Sambutan Hari Raya di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Gua Musang di sini, kelmarin.

Mengulas lanjut Muhamad Zaki berkata, pihaknya juga akan terus memantau segala aktiviti pengajian agama yang dibuat di madrasah atau pondok kawasan masing-masing.

"Saya sudah mengarahkan Ketua polis daerah dan juga ketua polis balai untuk melihat di kawasan masing-masing ada atau tidak madrasah, pondok pengajian berbentuk begini.

"Yang di bawah Majlis Agama Islama Kelantan (Maik), saya berasa tidak ada masalah sebab dipantau," katanya.

Sebelum ini, media melaporkan seorang guru sebuah pusat tahfiz ditahan kerana disyaki meliwat tiga pelajarnya sejak dua tahun lalu.

Polis memaklumkan ada terima laporan daripada tiga mangsa yang berusia 12 hingga 13 tahun pada 15 April lalu.

# Enam laporan polis terhadap ustaz disyaki liwat tiga pelajar - Ketua Polis Kelantan

Oleh Paya Linda Yahya - April 28, 2024 @ 9:05am
bhnews@nstp.com.my



Enam laporan polis terhadap ustaz disyaki liwat tiga pelajar - Ketua Polis Kelantan (Foto hiasan)

GUA MUSANG: Polis menerima enam laporan berhubung dakwaan seorang ustaz di sebuah pusat tahfiz yang ditahan kerana disyaki melakukan amang seksual terhadap tiga pelajarnya sejak dua tahun lalu.

Ketua Polis Kelantan, Datuk Muhamad Zaki Harun, berkata pihaknya tidak menolak akan ada lagi laporan yang sama dibuat mangsa terhadap **suspek** berusia 39 tahun.

Daripada enam laporan diterima itu, beliau berkata, tiga masing-masing di Machang dan Bachok.

"Banyak perkara yang kita nak lihat dan setakat ini pada peringkat awal hanya satu laporan, kemudian menjadi tiga laporan dibuat dan akhir-akhir ini ada lagi laporan akan dibuat.

"Ia membabitkan tiga di Bachok di mana suspek sebelum ini bertugas di sana sebelum berpindah ke Machang, dan perbuatan jenayah berkenaan disyaki bermula sejak 2022 hingga bulan ini," katanya ditemui selepas Sambutan Hari Raya di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Gua Musang, di sini, semalam.



Muhamad Zaki menyampaikan duit raya kepada kanak-kanak pada majlis sambutan Aidilfitri di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Gua Musang, semalam. - Foto NSTP/Paya Linda Yahya

Mengulas lanjut Muhamad Zaki berkata, pihaknya sudah mengarahkan Ketua Polis Daerah dan juga Ketua Balai bagi memantau segala aktiviti pengajian agama yang dibuat di madrasah atau pondok kawasan masing-masing.

"Jika ia di bawah Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK) saya rasa tidak ada masalah sebab dipantau, tetapi yang perlu diberi perhatian ialah madrasah atau pusat tahfiz diuruskan secara persendirian atau masyarakat tempatan," katanya.

Terdahulu media melaporkan seorang guru sebuah pusat tahfiz di sini, ditahan kerana **disyaki meliwat tiga pelajarnya** sejak dua tahun lalu.

Ketua Polis Daerah Machang, Superintendan Ahmad Shafiki Hussin, berkata pihaknya menerima laporan daripada tiga mangsa yang berusia 12 hingga 13 tahun pada 15 April lalu.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | UNREGISTERED WELFARE HOME MANAGER ADMITS CAUSING HURT | | | |
| HARI | : | ISNIN | AKHBAR | : | NEW STRAITS TIMES |
| TARIKH | : | 29 APR 2024 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |




*The Kulim magistrate's court yesterday fined unregistered welfare home manager L. Vignesvari (centre) RM4,500 for causing injury to an elderly man.* BERNAMA PIC

VIRAL VIDEO

# Unregistered welfare home manager admits causing hurt

**KULIM:** The manager of an unregistered welfare home in Padang Serai was fined RM4,500 by the magistrate's court here yesterday after she pleaded guilty to causing injury to an elderly man.

Magistrate Jamaliah Abd Manap meted out the sentence to L. Vignesvari, 36, when she entered the plea after the charge was read to her by a court interpreter.

Vignesvari was charged with voluntarily causing hurt to P. Tharmalingan, 69, with a stick at a house in Taman Desa Aman, Sungai Karangan, Padang Serai, about 3pm on April 22.

She was charged under Section 324 of the Penal Code, which carries up to 10 years' jail, a fine or whipping upon conviction.

Deputy public prosecutor S. Pavitra urged the court to impose a deterrent sentence as the case involved public interest and as a lesson to the accused and the public.

Lawyer Suhailah Ahmad from the National Legal Aid Bureau, who represented the accused, pleaded for leniency as the accused is a single mother with a child and has no fixed income.

On Tuesday, it was reported that police arrested the operator and an employee of a welfare home here after a video of a woman hitting an elderly man with a stick went viral.

On Saturday, Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri said checks showed that the home was not registered with the Social Welfare Department.

She said after the investigation was done, the ministry would order the closure of the home.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | WELFARE HOME MANAGER FINED RM4,500 FOR IMJURING SENIOR CITIZEN | | | |
| HARI | : | ISNIN | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 29 APR 2024 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Welfare home manager fined RM4,500 for injuring senior citizen

**KULIM:** A welfare home manager was fined RM4,500 in default three months in prison by the Magistrates' Court here yesterday after she pleaded guilty to injuring a senior citizen.

L. Vignesvari, 36, made the plea after the charge under Section 324 of the Penal Code was read to her before Magistrate Jamaliah Abd Manap.

The Section provides for imprisonment of up to 10 years or a fine or caning or any two of these punishments, upon conviction.

Vignesvari was charged with intentionally causing injury to P. Tharmalingan, 69, with a stick at a house in Taman Desa Aman, Sungai Karangan at around 3pm on April 22.

National Legal Aid Foundation lawyer Suhailah Ahmad, who represented the accused, pleaded for her client to be given a light punishment on the basis that she is a single mother of a two-year-old and has no income.

However, deputy public prosecutor S. Pavitra requested a commensurate punishment to serve as a deterrent to both the accused and the community.



Vignesvari (centre) is escorted to the court for the hearing. — Bernama photo

Separately in the same court, a man was charged with killing a lorry driver on Feb 25.

No plea was recorded from accused R. Uvarajan, 29, as murder cases fall under the jurisdiction of the High Court.

